



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)

Hanya dibuka untuk pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN (SUPERSCALE C)
PEJABAT SEKRETARIAT MAJLIS TERTINGGI MELAYU ISLAM BERAJA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN
PEJABAT SEKRETARIAT MAJLIS TERTINGGI MELAYU ISLAM BERAJA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
SUPERSCALE C (\$6,800 EB KHAS \$7,010 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Melayu Islam Beraja (MIB) atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan

2. Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus **Program Perkembangan Eksekutif** di Institut-Institut tempatan ataupun luar negara atau kursus yang sebanding.
4. Mempunyai laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Selaku Ketua di Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja;
2. Selaku penyelaras / penceramah / pemudahcara bagi aktiviti / program yang dianjurkan oleh Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja;
3. Menghadapkan cadangan dan pandangan mengenai perkara yang berhubungan dengan Melayu Islam Beraja dan menjalankan arahan-arahan yang diberikan oleh Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dari semasa ke semasa;
4. Menjadi penyelaras mengenai Melayu Islam Beraja di antara Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dengan badan luar, sama ada berkumpulan atau perseorangan;



5. Merangka dan merancang pelan tindakan, kegiatan-kegiatan dan program-program Melayu Islam Beraja yang bersesuaian bagi pelaksanaan, pemberigaan dan penghayatan Melayu Islam Beraja;
6. Memantau dan menilai semula pelaksanaan program-program Melayu Islam Beraja serta keberkesanan strategi dan langkah-langkah yang diambil sama ada anjuran Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja atau anjuran pihak-pihak lain;
7. Memantau, membetulkan dan menjelaskan mana-mana penerbitan, pandangan dan aktiviti-aktiviti yang tidak selaras dengan aspirasi, Perlembagaan Negara dan Melayu Islam Beraja;
8. Merangka dan memudahkan penyelidikan tentang Melayu Islam Beraja untuk mengukuhkannya;
9. Membuat penilaian dan penyelarasan pendidikan Melayu Islam Beraja, termasuk kandungan kurikulum dan pelaksanaan ko-kurikulumnya; dan
10. Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan pihak-pihak lain untuk mengendalikan program Melayu Islam Beraja.